

Speech By : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Title : PERASMIAN BENGKEL PENGLIBATAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM DAN  
KELUARGA DALAM PENCEGAHAN DADAH  
Location : IPPN, SRI LAYANG GENTING HIGHLANDS, PAHANG DARULMAKMUR  
Date : 26-04-1986

Yang Berusaha Pengerusi Majlis, Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmat dan hidayahNya dapat kita bersama-sama hadir di Majlis ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada PUSPANITA dan Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Malaysia atau MKSAK yang telah memberi penghormatan kepada saya untuk menyampaikan ucapan, dan seterusnya merasmikan Bengkel Penglibatan Anggota Perkhidmatan Awam dan Keluarga Dalam Pencegahan Dadah ini.

2. Saya ingin juga mengucapkan tahniah kepada penganjur bersama Bengkel ini kerana ianya merupakan satu inisiatif yang penting dan positif dalam usaha mengawal dan mencegah penyalah-gunaan dadah di negara kita.

Penyertaan tuan-tuan dan puan-puan selaku Ketua-Ketua Kementerian dan Jabatan di peringkat Persekutuan dan Negeri, juga selaku pengerusi atau pemimpin dalam pertubuhan atau persatuan kebajikan di bawah Jabatan Kerajaan dan bukan Kerajaan dalam Bengkel ini, mencerminkan keazaman tuan-tuan dan puan-puan semua untuk menggerak dan memimpin tenaga masyarakat, khususnya di kalangan anggota-anggota Kerajaan, supaya melibatkan diri secara lebih aktif untuk membantu negara menghapuskan wabak dadah. Kerajaan sentiasa memberi galakkan kepada usaha-usaha menggembilingkan tenaga anggota masyarakat supaya menjadikan usaha memerangi wabak dadah ini sebagai satu tindakan yang menyeluruh dan bersepadu.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Kita sedia maklum, penyalah-gunaan dadah di negara kita adalah satu masalah yang serius, kerana ianya melibatkan semua lapisan masyarakat tanpa mengira umur, taraf hidup dan kedudukan, sehingga menjejaskan juga kakitangan Kerajaan yang diamanahkan untuk menjaga keselamatan dan penguat-kuasaan undang-undang negara. Sungguhpun segelintir sahaja yang dikatakan terlibat, tetapi ianya cukup untuk membimbangkan kita, tambahan pula dengan penglibatan golongan muda yang diharapkan akan mengambil alih masa hadapan negara ini. Kerajaan, tidak dapat tidak, terpaksa mengisytiharkan masalah penyalah-gunaan dadah di negara ini sebagai satu masalah keselamatan.

4. Bagi menghadapi dan mengatasi masalah ini, Kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah yang tegas untuk mengawal dan memerangi dadah dalam bidang-bidang tertentu seperti bidang perundangan, penguat-kuasaan, rawatan dan pemulihan. Usaha-usaha dalam beberapa tahun ini telahpun menunjukkan kejayaannya, dan daripada laporan-laporan yang diterima jumlah penagih dadah yang pertama kalinya dikesan telah berkurangan semenjak 1984 hasil daripada tangkapan- tangkapan para pengedar dadah dan rampasan dadah yang begitu banyak daripada mereka.

5. Kerajaan dengan seberapa daya upaya telahpun mengatur strategi untuk mengasingkan orang-orang yang tetap memerlukan dadah kerana ketagihan dan juga menyekat pembekalan dadah kepada mereka. Sekarang ini strategi Kerajaan lebih mengutamakan pencegahan awalan supaya rakyat jelata, khasnya muda-mudi dan golongan-golongan yang bertanggungjawab, akan diserapkan dalam pemikiran mereka perasaan benci terhadap dadah. Usaha-usaha seperti ini memerlukan kerjasama dan sokongan penuh daripada semua lapisan pegawai-pegawai Kerajaan dan masyarakat. Usaha ini amatlah besar tetapi sekiranya semua golongan membantu, kita akan capai lebih lagi kejayaan dalam semua aspek tindakan menghapuskan wabak dadah, Insya-Allah.

6. Bagi pegawai-pegawai Kerajaan dan keluarga yang turut melibatkan diri dalam pencegahan wabak dadah ini, tiga perkara yang penting perlu dipastikan dahulu iaitu kesedaran, keinsafan dan sikap positif terhadap masalah dadah.

7. Kesedaran dan keinsafan bahawa penyalah-gunaan dadah bukanlah satu perkara yang boleh dipandang dengan sepi sahaja adalah penting. Bahaya daripada penyalah-gunaan dadah amatlah besar. Ia boleh memusnahkan manusia sehingga menjadi tidak siuman sekiranya tidak dikesan dan dirawati dari peringkat awal lagi. Ia boleh merosakkan keturunan.

Penghisap-penghisap ganja atau marijuana, yang remaja akan terbantut dalam pembesaran mereka. Kesuburan mereka juga akan terjejas. Apatah lagi sekiranya wanita yang hamil pula yang menghisapnya. Janin tidak terjamin lahir hidup, normal atau cukup bulan. Kajian telah dibuat ke atas binatang-binatang yang membuktikan bahawa marijuana dan ganja menjadi faktor perubahan dalam generasi yang dirawati malahan membawa kesan-kesan buruk dadah itu kepada generasi kedua atau ketiga kelak.

8. Perlu juga disedari oleh kita semua bahawa dadah merosakkan otak dan pemikiran manusia. Bayangkanlah bagaimana buruk sekiranya seorang eksekutif menyalah-gunakan dadah dengan sebab-sebab tertentu. Ianya tidak boleh bertindak dengan secara rasional dalam keadaan kecemasan dan ketekanan seperti dalam krisis. Sekiranya ia berjawatan tinggi di mana keputusan perlu dibuat dan amanah perlu dipegang teguh, akibat kepada agensi-agensi, corporation, masyarakat dan bangsa amatlah buruk. Satu penyiasatan yang dibuat di luar negeri ke atas sepuluh juruterbang yang berpengalaman menunjukkan 'intellectual ability and performance' mereka terjejas dan mereka sukar mendaratkan kapalterbangnya dengan baik sungguhpun 24 jam selepas mereka menggunakan marijuana.

9. Sebagai Ketua-ketua Jabatan dan ketua keluarga, kesedaran dan keinsafan bahawa pengaruh dadah berada di sekitar kita diharapkan akan mendorong kita kepada sikap positif dalam tindakan pencegahan dadah. Sebagai ahli masyarakat cara-cara pencegahan yang berkesan ialah secara membekalkan diri kita dengan seberapa banyak maklumat mengenai penyalah-gunaan dadah, mengenal-pasti gejala-gejalanya dan mengawasi supaya suasana, baik di rumah mahupun di pejabat tidak membuka peluang kepada penyakit dadah mendapat tempat.

10. Pada hemat saya, pencegahan awal bermula di rumah.

Keluarga yang bahagia menjadi benteng yang teguh untuk mencegah sesuatu yang buruk dan pengaruh dadah. Berasaskan kepada kasih sayang dan didikan yang mengutamakan nilai-nilai agama dan nilai-nilai hidup yang baik, anak-anak kecil akan membesar dengan fahaman bahawa sistem hidup berkeluarga yang bahagia berlandaskan kepada disiplin, kepercayaan, kejujuran dan kehormatan anak-anak terhadap orang tuanya.

11. Dalam Persidangan Kebangsaan Penglibatan Ibubapa Dalam Pencegahan Dadah bulan Oktober 1985, seorang pakar telah mengatakan bahawa masalah yang sebenarnya berlaku bukanlah terdapat di kalangan muda-mudi dan anak-anak remaja, tetapi ianya terdapat di kalangan ibubapa itu sendiri. Sebagaimana pertalian erat perlu dibina di antara ibubapa dengan anak-anak dalam keluarga, begitu juga hendaknya pertalian antara ibu dan bapa untuk mendapatkan suasana rumahtangga yang tenteram, teratur dan harmoni.

Pertimbangan dan persefahaman serta tanggungjawab bersama adalah 'ingredients' bagi mencapai keharmonian sesebuah keluarga.

12. Tidak juga dilupakan bahawa sebagai ibubapa, teladan kepada anak-anak amatlah penting supaya 'double standards' tidak berlaku dalam keluarga. Perbincangan yang bebas antara ahli-ahli keluarga dengan ibubapa akan menggalakkan lagi keyakinan kepada anak-anak bahawa ibubapa merekalah tempat yang paling sesuai untuk mengadu hal, mendapat nasihat atau maklumat. Kita dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wataala zuriat untuk disayangi, dididik dan dilindungi. Maka menjadi kewajipan kita

memelihara mereka daripada segala ancaman termasuklah penyalah-gunaan dadah. Sepertimana yang saya sebutkan dari awal tadi, perasaan kebencian terhadap dadah perlu disemai daripada kecil lagi supaya anak-anak akan dengan sendirinya menahan diri mereka daripada pengaruh dadah.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

13. Di pejabat-pejabat pula, adalah perlu Ketua-ketua Jabatan dan pegawai-pegawai kanan memahami faktor-faktor yang boleh menyebabkan seorang menjadi mangsa penyalah-gunaan dadah. Sebab-sebab itu mungkin berpunca daripada rumah, mungkin berpunca daripada hal-hal peribadi dan juga mungkin disebabkan tekanan dan cabaran yang dihadapi di tempat kerja mereka. Dipercayai juga bahawa merokok, meminum arak dan menghisap ganja adalah 'gateway drugs' yang disukai oleh individu-individu yang dalam keadaan 'stress'. Mereka inilah yang perlu dikenal pasti dari awal-awal lagi supaya bukan sahaja ia dapat ditolong daripada keadaan yang lebih merbahaya baginya malahan supaya perkhidmatan awam yang diamanahkan untuk melaksanakan dan mentadbir negara dapat dilaksanakan dengan bersih, cekap dan beramanah, sesuai dengan hasrat menjadikan negara kita sebagai sebuah negara yang bermaruah dan dihormati.

14. Dalam perkara ini, pegawai-pegawai Kerajaan pula hendaklah tahu gejala-gejala penagihan dadah supaya dapat dikenal-pasti kakitangan-kakitangan yang terlibat pada peringkat awal awal dan memberi pertolongan kepada mereka.

Adalah baik juga sekiranya ada seorang pegawai dalam pejabat yang dilatih sebagai 'counsellor' untuk memberi nasihat kepada mereka yang memerlukannya.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

15. Dalam beberapa seminar mengenai pencegahan penyalah-gunaan dadah, adalah disyorkan untuk memberi galakan kepada belia-belia dan orang-orang dewasa memenuhi masa lapang mereka dengan aktiviti-aktiviti yang kreatif dan berfaedah. Di negara ini, terdapat banyak kementerian dan jabatan yang mempunyai kelab-kelab keluarganya sendiri.

Ini adalah satu lagi saluran di mana program-program pencegahan dadah boleh dilakukan. Selain daripada perjumpaan sosial di mana kakitangan boleh 'switch off' hal pejabat dan berehat, rekreasi melalui sukan, musik dan perkelahan akan mendorong ahli-ahli kelab dan keluarga mereka kepada aktiviti-aktiviti yang sihat dan terkawal. Di sini juga 'group therapy' atau 'counselling' boleh diadakan secara sulit supaya seorang kakitangan atau keluarganya boleh mendapat makluman atau bantuan nasihat dalam masalah mereka. Kelab-kelab Jabatan dan keluarga adalah badan-badan yang sesuai sekali untuk memberi makluman dan nasihat-nasihat mengenai penyalah-gunaan dadah kerana ianya adalah kurang formal dengan keadaan di dalam pejabat.

16. Di samping itu, banyak terdapat pertubuhan dalam masyarakat yang menjalankan aktiviti-aktiviti anti dadah seperti pertubuhan-pertubuhan belia, P.I.B.G., Kelab Rotary, Kelab Kebajikan, persatuan-persatuan seni dan sebagainya yang boleh diceburi oleh pegawai-pegawai Kerajaan agar dapat memberi sumbangan bagi mencegah dadah. Penglibatan dan sumbangan tuan-tuan dan puan-puan secara sukarela dan berterusan dalam pertubuhan dan badan-badan ini akan menggerak dan menghasilkan aktiviti-aktiviti anti dadah dengan lebih giat lagi.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

17. Satu perkara yang saya ingin sentuh ialah mengenai pengedar dadah. Terdapat di antara mereka yang mengedarkan dadah ini, orang-orang yang berkedudukan dalam masyarakat dan mempunyai wang. Bagi mereka ini perkara yang mendorong mereka melibatkan diri dalam pengedaran dadah ini tidak lain dan tidak bukan ialah tamak untuk mendapatkan kekayaan dengan cepat. Mereka ini adalah golongan yang mementingkan wang ringgit, yang tunduk kepada nafsu kebendaan, tanpa mempunyai perasaan perikemanusiaan. Mereka sanggup sesaorang itu dan keluarga menderita akibat dadah asalkan mereka untung dan kaya. Mereka ini tidak mempunyai tempat dalam masyarakat. Malahan mereka menjadi

sampah masyarakat. Kita hendaklah bekerjasama rapat supaya pengedar-pengedar ini dapat dihadapkan ke mahkamah dan dihukum dengan sewajarnya.

18. Berkenaan dengan pengedar dadah pula, ada segolongan tertentu yang mengagung-agungkan penggunaan dadah.

Sungguhpun perkara ini tidak begitu nyata di negara ini tetapi di negara-negara Barat 'glamourisation of drugs' melalui tayangan filem, lagu-lagu 'rock' dan majalah-majalah berlaku dengan luas. Jualan alat-alat menghisap dadah dan iklan-iklan di mana dadah boleh didapati juga dipasarkan secara 'subtle' supaya pelanggan yang terdiri daripada belia belasan tahun dapat ditarik. Saya berharap pihak Lembaga Penafisan Filem Negara dan pihak berkuasa yang berkenaan dengan lagu-lagu kaset, tape, video-tape, dan filem-filem akan lebih lagi berwaspada dalam menentukan supaya negara ini tidak dibanjiri dengan 'paraphernalia' dadah dan lain-lain benda yang boleh mempengaruhi muda-mudi di negara kita ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

19. Saya percaya Bengkel ini akan memberi penjelasan yang lengkap dan menimbulkan perbincangan yang menyeluruh.

Dengan terkumpulnya tuan-tuan dan puan-puan di Bengkel ini, rumusan-rumusan yang berguna dan praktikal tentu sekali akan dapat dihasilkan. Saya berdoa semoga Bengkel ini akan mencapai penuh kejayaan dan diberkati oleh Allah Subhanahu Wataala.

20. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Bengkel Penglibatan Anggota Perkhidmatan Awam dan Keluarga dalam Pencegahan Dadah ini.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.